

# 75 mangsa terbaharu pencemaran udara

UTUSAN MALAYSIA 25/06/2019 M/S

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM  
pengarang@utusan.com.my

## PASIR GUDANG 24 JUN

SERAMAI 75 orang menjadi mangsa terbaharu pencemaran udara di daerah ini hari ini yang kebanyakannya pelajar sekolah.

Menteri Besar, Datuk Dr. Sahruddin Jamal berkata, semua mereka menerima rawatan dan pemeriksaan di Hospital Sultan Ismail (HSI) Johor Bahru.

“Daripada jumlah tersebut, hanya empat pesakit yang masih menerima rawatan di wad biasa HSI dan tidak memerlukan rawatan intensif. Insiden melibatkan gangguan kesihatan itu melibatkan mangsa dari 15 sekolah.

“Antara yang terjejas Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tanjung Puteri Resort, Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Pasir Putih, SK Pasir Gudang 2, SK Pasir Gudang 1, SMK Bandar Seri Alam 2, SMK Taman Pasir Putih, SK Tanjung Puteri Resort dan SMK Bandar Seri Alam.

“Turut terjejas, SK Taman Rinting 2, SK Taman Rinting 3, SK Desa Cemerlang, SK Kota Masai, SMK Taman Megah Ria, SK Pasir Putih dan SK Taman Megah Ria 2,” katanya dalam sidang akhbar selepas melawat Pusat Gerakan Operasi Peman-tauan di Stadium Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad serta Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Isnaraissah Munirah Majilis.

Difahamkan pada hari ini tiada sekolah yang ditutup dan pelajar yang terjejas itu menerima rawatan di Stadium MPPG dan HSI.



SEORANG pelajar rebah dipercayai terhidu udara tercemar terpaksa dipapah gurunya di Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Putih, Pasir Gudang, semalam. - UTUSAN/NUR AISYAH MAZALAN

Sementara itu, Dr. Dzulkefly berkata, Kementerian Kesihatan mengesahkan kandungan toksik dalam bahan kimia yang ditemui pada pesakit yang terjejas pencemaran udara di sini sejak Khamis lalu tidak berada pada tahap membimbangkan.

Jelas beliau, pihaknya masih belum mengenal pasti bahan kimia yang menyebabkan insiden gangguan kesihatan hingga mengakibatkan sesak nafas dan muntah-muntah.

Katanya, sebatian kimia yang ditemui hanya 134 partikel per juta (ppm) ditemui pada pesakit tidak berada pada tahap toksik yang tinggi seperti berlaku dalam kes pencemaran di Su-

ngai Kim Kim pada Mac lalu.

“Yang penting daripada sudut klinikal, keracunan toksik dan perubahan, ia tidak begitu di tahap membimbang. Kandungan toksik itu ada tetapi ia tidak seperti bagi kes Sungai Kim Kim yang menyebabkan dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU).

“Ia hanya menyebabkan muntah dan sesak nafas. Bahan itu tidak dikenal pasti dalam urin dan sampel darah mangsa kerana bahan ini berkemungkinan mempunyai separa hayat yang pendek dan bertahan dalam masa lima jam sebelum ini dikumuhkan. Kita berada di peringkat akhir untuk mengenal pastinya,” katanya.

# Isytihar segera darurat bencana

**PASIR GUDANG 24 Jun** - Kerajaan Pusat wajar mengisytiharkan darurat bencana di daerah ini berikutan pencemaran gas yang terus merebak dan tidak dapat dikawal sehingga ke hari ini sejak Khamis lalu.

Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Abdul Karim berkata, langkah tersebut perlu memandangkan keadaan tidak terkawal dan kini tidak selamat lagi.

“Jika masalah pencemaran sekarang meningkat menjadi bencana, saya minta kerajaan negeri perlu bersiap sedia un-

tuk memohon kepada kerajaan Pusat supaya mengisytiharkan darurat bencana di Pasir Gudang,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Insiden pencemaran terbaharu itu bermula Khamis lalu apabila sebanyak 15 murid Sekolah Agama Taman Mawar dan Sekolah Kebangsaan (SK) Pasir Gudang 4 dan dua orang dewasa muntah-muntah, mengalami sakit tekak, malah sebahagian dihantar ke Hospital Sultan Ismail (HSI) di Johor Bahru untuk rawatan.

Kejadian tersebut berlaku kira-kira tiga bulan setengah selepas insiden pencemaran Sungai Kim Kim di Pasir Gudang yang mengakibatkan sebanyak 111 buah sekolah ditutup dan kira-kira 6,000 penduduk kehidupan mereka terjejas.

Beliau turut menuntut supaya kerajaan negeri mengeluarkan perintah supaya semua kilang kimia yang mengeluarkan gas di kawasan itu berhenti beroperasi sehingga keadaan pencemaran tidak lagi berlaku dan kualiti udara terjamin.